

TARIKH: 29/8/23  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 21

## TRAGEDI ELMINA

### Waris Muhammad Hafiz terima dua bayaran pencen Perkeso

**Sungai Petani:** Waris penghantar makanan Allahyarham Muhammad Hafiz Muhamad Salleh yang terbabit dalam nahas pesawat terhempas di Elmina, Shah Alam, akan menerima dua bayaran pencen bulanan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bermula bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, bayaran bermula dari tarikh Muhamad Hafiz meninggal dunia dalam tragedi pada 17 Ogos lalu.

Menurutnya, keluarga Allahyarham menerima menerusi dua peruntukan akta perlindungan sosial.

"Kali terakhir rekod caruman menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerja ketika (arwah) berkhidmat di syarikat logistik dengan kali terakhir Jun 2021, manakala

kedua sejak 10 Mei 2021 di bawah inisiatif kerajaan.

"Mangsa meninggal ketika mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri melayakkannya menerima bayaran faedah, selain kelayakan Pencen Penakat dengan rekod caruman terakhir pada Jun 2021 sewaktu berkhidmat di syarikat logistik," katanya ketika menziarahi keluarga Allahyarham Muhammad Hafiz di rumah mereka di Taman Sidam Kiri di sini, semalam untuk menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat (FDM) berjumlah RM2,000.

Mohammed Azman berkata, bayaran faedah dan pencen penakat berkenaan akan diterima bapa dan ibu Muhammad Hafiz iaitu Muhamad Salleh Othman, 57, serta Jamilah Ismail, 53, dan adiknya, Muhammad Hamidi, 20.

Menurutnya, pencen penakat dibayar kepada waris yang layak apabila berlaku kematian sebarang sebab yang bukan berkaitan bencana kerja, manakala faedah orang tanggungan adalah kematian akibat bencana kerja.

"Sepatutnya semua pekerja e-hailing dan p-hailing mengambil iktibar dengan kemalangan yang berlaku kerana kita pun tak sangka dan malang tidak berbau," katanya.

**"Pekerja e-hailing dan p-hailing mengambil iktibar dengan kemalangan yang berlaku kerana kita pun tak sangka dan malang tidak berbau"**